



**JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)**

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI DR. YUSOF BIN ISMAIL
KETUA PENGARAH MAMPU**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH CITRA KECEMERLANGAN MAMPU
TAHUN 2021**

31 MAC 2022 (KHAMIS)

8.30 PAGI – 2.00 PETANG

(HOTEL BANGI RESORT)

Bismillahir rahmanir rahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera
Salam Keluarga MAMPU dan
Salam MAMPU dihatiku

Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berusaha, Dr. Mohd Bakhari bin Ismail,
Timbalan Ketua Pengarah (TPP) MAMPU,

Yang Berusaha, Encik Azih bin Yusof,
Mantan Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU,

Yang Berbahagia, Dato' Azlan bin Johar
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Pengarah-pengarah Bahagian,

Yang dikasihi YBhg. Datin Seri Majdah Binti Abdul Rashid, Pengerusi PUSPANITA MAMPU. Terima kasih atas kehadiran Pengerusi dan Timbalan Pengerusi PUSPANITA MAMPU sebagai sokongan dan penghargaan kepada penerima anugerah yang terdiri daripada ahli-ahli PUSPANITA .

Seterusnya, para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MAMPU (APC) dan Anugerah Khidmat Cemerlang MAMPU (AKCM) Tahun 2021 yang diraikan serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun, di Majlis Anugerah Citra Kecemerlangan MAMPU bagi tahun 2021.
2. Saya amat berbesar hati untuk menyempurnakan majlis pada hari ini bagi meraikan seramai **163 pegawai** cemerlang di MAMPU yang terdiri daripada **72 penerima APC** serta **91 penerima AKCM**. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua penerima APC dan AKCM atas prestasi cemerlang yang telah dipamerkan sepanjang tahun 2021, meskipun pada tahun lepas kita masih bertatih untuk beradaptasi dengan norma baharu. Semoga pengiktirafan ini dapat menyuntik semangat dan mencetus inspirasi kepada keluarga MAMPU yang lain untuk bersama-sama memberikan khidmat yang cemerlang dalam memastikan perkhidmatan awam kekal mampan.

3. Terima kasih saya ucapkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) yang bertindak sebagai jawatankuasa induk bagi penganjuran Majlis Anugerah Citra Kecemerlangan MAMPU Tahun 2021 pada hari ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada para jawatankuasa penganjuran yang terdiri daripada kolaborasi antara BKP dan pegawai-pegawai dari Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat (BPKK), Bahagian Pembangunan Aplikasi (BPA) dan Bahagian Perundingan Pengurusan 2 (BPP2).

4. Penglibatan antara kesemua bahagian ini menunjukkan semangat kekitaan keluarga MAMPU dengan mengenyahkan jurang perbezaan serta semangat assabiyah antara bahagian. Semangat bekerjasama dan bekerja berkumpulan ini juga selaras dengan salah satu daripada tiga teras dalam Keluarga Malaysia iaitu kebersamaan. Syabas diucapkan.

INSENTIF PENERIMA APC DAN AKCM

5. Penganugerahan APC dan AKCM ini merupakan satu manifestasi keprihatinan MAMPU terhadap modal insan berkualiti, dinamik dan berprestasi tinggi dalam mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan. Seperti yang dipaparkan melalui tayangan montaj sebentar tadi, penerima-penerima APC akan menerima sijil penghargaan serta wang ganjaran sebanyak RM1,000 yang difahamkan telah dikreditkan ke dalam akaun penerima. Bagi penerima-penerima AKCM pula, pegawai akan menerima sijil penghargaan serta program kecemerlangan yang akan dianjurkan oleh BKP kelak.

6. Bagi penerima APC yang menerima insentif berbentuk kewangan, gunakanlah insentif tersebut dengan berhemah sebaik-baiknya kepada keluarga yang tercinta. Dalam kita memberi tumpuan terhadap tugas hakiki pasti ada masa keluarga yang telah kita korbakan. Saya amat yakin bahawa institusi keluarga yang kukuh juga merupakan penyumbang kepada faktor kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan di pejabat. Keluarga jugalah adalah permulaan melahirkan insan yang hebat.

7. Bagi penerima AKCM yang menerima insentif berbentuk latihan, saya juga ingin berkongsi bahawa saya turut berkesempatan untuk mengikuti Kursus Pasukan Kerja Berprestasi Tinggi yang telah dianjurkan pada tahun 2021 di Pulau Langkawi. Apa yang dapat disimpulkan adalah program tersebut merupakan sebuah program yang menarik dan padat dengan pengisian bagi menyuntik semangat pegawai untuk meningkatkan motivasi dan seterusnya mengekalkan kecemerlangan di masa akan datang. Semoga anugerah yang diterima pada hari ini menjadi pemangkin kecemerlangan dan pembakar motivasi tuan puan dalam memperkasa perkhidmatan awam yang mampan dan berdaya saing.

8. Bersesuaian dengan pemilihan tema Hari Anugerah Citra Kecemerlangan pada hari ini, **Kebersamaan Aspirasi Kecemerlangan** dapat diterjemahkan sebagai sifat saling bekerjasama atau sentiasa bersama-sama sebagai hasrat atau matlamat dalam

mencapai sesuatu kejayaan dalam organisasi. Suasana pandemik sedikit sebanyak telah mewujudkan amalan cara bekerja yang berbeza antara amalan kerja secara konvensional dan amalan kerja berdasarkan norma baharu. Tayangan montaj sebentar tadi menunjukkan bahawa bagaimana era pandemik telah mengubah amalan hidup biasa dan kemudian menterjemahkan norma baharu. Era pandemik telah memaksa kita menyesuaikan diri dengan perkara-perkara yang tidak pernah kita biasakan sebelum ini. Bekerja dari rumah, mesyuarat secara maya, mesyuarat secara hibrid dan sebagainya amat memerlukan sikap kerjasama, saling memahami dan bertolak ansur di kalangan kita.

9. Perkara ini adalah mustahil untuk berlaku sekiranya tiada elemen kebersamaan dan saling bekerjasama antara satu sama lain. Adalah sukar juga pada mulanya tetapi kita mampu membuktikan bahawa ianya bukanlah sesuatu yang mustahil. “*Keep moving regardless of barriers you face*” - tetapkan terus maju ke hadapan dalam apa jua keadaan yang bakal kita hadapi suatu hari nanti kerana setiap langkah yang diambil adalah titik mula kepada setiap kejayaan yang diimpikan. Kebersamaan dalam bekerja bukan sahaja dapat mencapai keinginan yang dicita-citakan namun ia juga dapat memupuk suasana yang harmoni dan melahirkan keluarga MAMPU yang prihatin.

PRINSIP S.W.I.F.T

Keluarga MAMPU sekalian,

10. Menerusi amanat Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri KSN pada 11 Februari 2022 yang lepas, beliau menegaskan agar penjawat awam menyelami dan menghayati pendekatan **S.W.I.F.T**, iaitu akronim bagi ***speed, world-class knowledge, inspirational, flexible*** dan ***technology-based*** tatkala negara sedang menuju ke fasa 'Peralihan ke Endemik' mulai 1 April 2022 seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob.

11. Secara umumnya, pendekatan **S.W.I.F.T** ini menggesa kita semua untuk mempunyai *sense of urgency*, iaitu untuk bertindak dengan pantas tanpa berlengah bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah berkesan dan menepati keperluan semasa.

12. Nilai pertama iaitu ***speed*** perlu diterapkan oleh penjawat awam semasa bertindak dan membuat keputusan bagi sesuatu urusan demi merealisasikan aspirasi kerajaan yang mengutamakan prestasi dan berpaksikan keutamaan kepada rakyat.

13. Nilai kedua, ***world-class knowledge*** atau pengetahuan bertaraf dunia hendaklah sentiasa ditimba agar kita tidak lagi melaksanakan tugas sekadar apa yang dimahukan, sebaliknya melihat *best practice* dari negara luar untuk dijadikan tanda aras dalam melaksanakan sesuatu perkara.

14. Seterusnya, penjawat awam perlu sentiasa memberi inspirasi dan motivasi kepada pegawai bawahannya sepertimana yang dinyatakan dalam nilai ketiga iaitu ***inspirational*** atau inspirasi.

15. Pegawai juga hendaklah fleksibel terutama dalam berdepan situasi genting dalam penyampaian perkhidmatan seperti nilai keempat iaitu ***flexible***.

16. Nilai kelima dan yang terakhir iaitu ***technology-based*** merupakan nilai yang amat sinonim dengan MAMPU. Nilai berasaskan teknologi wajar diterapkan dalam melaksanakan setiap tugas di pejabat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang pantas dan tuntas.

17. Seajar dengan konsep tersebut, saya menyeru agar warga MAMPU yang merupakan '*creme of the creme*' di hadapan saya ini untuk mengangkat **S.W.I.F.T** sebagai aspirasi utama dalam memperkasa integriti dan imej penjawat awam, seterusnya menjadikan perkhidmatan awam kekal relevan sebagai organisasi yang dinamik serta bersifat pemudahcara dan berpaksikan rakyat.

PERANAN MAMPU DALAM PENDIGITALAN NEGARA

18. MAMPU melalui Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 berhasrat untuk mendigitalkan Perkhidmatan Awam sepenuhnya dan mencapai sekurang-kurangnya 80% penyampaian *End-to End* (E2E) dalam perkhidmatan awam menjelang tahun 2025. Sekarang kita dapat lihat betapa seriusnya Kerajaan dalam usaha mendigitalisasikan negara Malaysia, dan harapan saya adalah, sebagai penjawat awam, kita harus sambut seruan ini dan mengambil langkah-langkah yang wajar dalam mengoptimumkan pengadaptasian pendigitalan negara. Perjalanan ini adalah tidak mudah, tetapi jika kita cukup berani untuk mengambil langkah ke hadapan ini, inshaAllah kualiti hidup rakyat akan terlihat peningkatannya.

19. Ingin saya memetik kata-kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah mengenai empat (4) fokus utama yang perlu diberi perhatian dalam memastikan perkhidmatan awam menjadi organisasi kekal relevan untuk berdepan dengan pelbagai perubahan dan cabaran pada masa depan. Empat (4) fokus utama tersebut adalah:

- a) menyegar semula penjawat awam;
- b) landskap baharu organisasi awam;
- c) perkhidmatan awam kalis masa hadapan; dan
- d) bergerak bersama ke hadapan.

20. Perkhidmatan awam kini berdepan dengan cabaran masa depan yang tidak menentu termasuk ketidakstabilan ekonomi global, penularan wabak pandemik seperti yang kita alami sekarang, perubahan demografi dan ancaman perubahan iklim.

21. Oleh itu, melalui empat (4) fokus utama ini, penjawat awam perlu mempunyai daya ketahanan yang tinggi, anjal, tangkas dan berinovasi yang dilengkapi dengan nilai integriti yang tinggi. Perkhidmatan juga perlu disampaikan dalam bentuk dinamik dan tidak rigid, serta memanfaatkan perkembangan teknologi semasa seperti platform digital selaras dengan inisiatif MyDigital.

22. Sehubungan dengan itu, semangat 'Keluarga Malaysia' yang inklusif dengan saling membantu dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat juga mampu memajukan negara.

KELUARGA MALAYSIA

Keluarga MAMPU yang saya kasihi sekalian,

23. Malaysia diuji dengan ketidakstabilan politik dan ekonomi yang berpunca daripada pandemik COVID-19. Cabaran ini turut dirasai di seluruh dunia. Wabak yang tidak pernah kita alami ini telah mengubah pola kehidupan kita. Namun begitu, **kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya**. Kejayaan negara kita menempuhi tempoh pandemik sehingga berada di awal fasa endemik telah menunjukkan semangat kebersamaan yang mendalam antara satu sama lain untuk memerangi wabak ini. Kebersamaan ini bermula dengan persefahaman, maka semua pihak mula berganding bahu mencapai kejayaan yang diinginkan.

24. Pada penghujung Bulan Disember tahun 2021, kita telah dikejutkan dengan bencana banjir besar melanda beberapa daerah di negeri Selangor. Kejadian yang tidak dijangka dan tidak pernah berlaku sebelum itu di tempat-tempat yang berkenaan telah mengejutkan seluruh negara. Kemudian diikuti pula kejadian banjir besar di negeri-negeri pantai timur. Bagi membantu mangsa-mangsa banjir, kerajaan telah memperuntukkan lebih RM1.4 bilion melalui Bantuan Banjir Keluarga Malaysia untuk meringankan beban mangsa banjir dengan mengekalkan bantuan sehingga RM10,000 bagi setiap ketua isi rumah.

25. Saya juga ingin merakamkan sekalung tahniah dan penghargaan kepada Keluarga MAMPU yang telah turut bersama-sama turun padang menyantuni mangsa banjir dengan menyertai Skwad MAMPU Prihatin. Sikap kebersamaan merupakan formula kerjasama antara Kelab Sukan dan Kebajikan MAMPU bersama-sama dengan PUSANITA Cawangan Kecil MAMPU. Seramai 100 pegawai MAMPU telah menyertai Skwad MAMPU Prihatin dan kira-kira sejumlah RM30,000.00 juga telah berjaya dikutip hasil sumbangan warga MAMPU dan masyarakat Malaysia yang Prihatin melalui Tabung Bantuan Misi Prihatin MAMPU. Dalam masa yang singkat juga, kerjasama ini berjaya membantu keluarga MAMPU yang begitu terkesan akibat

musibah banjir begitu juga penduduk di sekitar Shah Alam, Klang, Kuala Selangor dan Mentakab, Pahang. Sifat murni dalam bantu-membantu dan bersedekah haruslah diteruskan oleh Keluarga MAMPU pada masa akan datang.

26. Allah SWT memerintahkan hamba-Nya untuk saling tolong-menolong dan membantu sesama insan. Ingin saya memetik Ayat Al-Quran dari Surah Al-Maidah, ayat kedua yang bermaksud:

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.

KEJAYAAN MAMPU SEPANJANG TAHUN 2021

Keluarga MAMPU yang dikasihi,

27. Saya turut berbangga dengan pencapaian dan sumbangan semua sepanjang tahun 2021. Saya amat yakin dan percaya tanpa elemen kebersamaan sebagai pemangkin aspirasi kecemerlangan, pastinya kita tidak akan dapat menempa kejayaan-kejayaan ini. Antaranya adalah:

- a) Majlis Pelancaran MyDigital & BluePrint Ekonomi Digital Malaysia oleh YAB Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin bagi mentransformasikan MAMPU sebagai agensi tunggal untuk memacu transformasi digital negara;
- b) Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) pelbagai kerjasama awam-swasta di antara Microsoft Malaysia bersama MAMPU, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) & Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), Celcom Axiata Berhad dan Grab Malaysia;
- c) Pengiktirafan Portal MyGovernment oleh Malaysia Technology Excellence Award 2021;
- d) Penganjuran Majlis Perasmian & Persidangan Digital Sektor Awam 2021 (PDiSA);
- e) Pengiktirafan Huawei Mobile Services (HMS) Ecosystem's Outstanding Partner Award 2020 atas jumlah peratusan aplikasi mudah alih Kerajaan yang berada di Huawei AppGallery serta kejayaan menjalinkan kerjasama dalam penganjuran bengkel pembangunan aplikasi mudah alih menggunakan teknologi terkini HMS pada tahun 2020 dan 2021;

- f) Penubuhan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 dalam menggariskan hala tuju strategik pendigitalan Sektor Awam;
- g) Pelancaran MyGovCloud @PDSA (Pusat Data Raya Sektor Awam) bagi meningkatkan kecekapan sektor awam dengan pengkomputeran awan;
- h) Persetujuan Majlis Jemaah Menteri pada 10 Disember 2021 dalam Pelaksanaan Projek Rintis Sistem Penyampaian Kerajaan Ke arah Pengamalan Norma Baharu Pasca Covid -19 (NBPPA) yang dimulakan pada 2020 melibatkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Imigresen diperluaskan ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) pada tahun 2022;
- i) Penerbitan Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (SPKPA) Bilangan 1 Tahun 2021 – Pelaksanaan Modul Data Perjawatan Submodul Myportfolio Dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) yang ditandatangani oleh KSN. Melalui pekeliling ini, myPortfolio yang diperkenalkan secara manual pada tahun 2018 kini telah boleh dibuat melalui aplikasi HRMIS;
- j) Pelaksanaan 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia Ahli Jemaah Menteri yang telah diamanahkan kepada MAMPU walaupun dalam masa yang singkat, telah berjaya dilaksanakan dan kini dilanjutkan lagi;
- k) Pelaksanaan Sesi Meja Bulat Malaysia Open Data User Group (MODUG) 2021;
- l) Program Webinar Malaysia dan Republic of Korea 2021 bagi bidang Kerajaan Digital;
- m) Perkhidmatan Dalam Talian Secara *End-to-End* (E2E) sehingga Disember 2021 di mana Kerajaan telah menyediakan sebanyak 14,995 perkhidmatan secara E2E (68.18%) sehingga 2021 berbanding jumlah keseluruhan perkhidmatan yang ditawarkan Kerajaan iaitu sebanyak 21,992 perkhidmatan;
- n) Penerbitan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2021 Dasar Perkongsian Data Sektor Awam dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2021 Dasar Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam;
- o) Pelantikan empat (4) orang Subject Matter Expert – ICT (SMEICT) iaitu:
 - I. Dua (2) orang SMEICT dari sub-bidang Pengurusan Strategik ICT;
 - II. Seorang (1) SMEICT dari sub-bidang Pengurusan Pangkalan Data; dan

III. Seorang (1) SMEICT dari sub-bidang Kejuruteraan Sistem.

- p) Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) di Majlis Defence Service Area (DSA);
- q) pada tahun 2021, di saat negara masih bergelut dalam menangani wabak pandemik, kita juga telah berjaya mencapai prestasi kewangan yang amat memuaskan. Daripada jumlah Peruntukan Belanja Mengurus yang telah diterima sebanyak RM140,122,526.80, MAMPU telah membelanjakan sebanyak RM134,791,747.18 bersamaan 96.20%; dan
- r) daripada jumlah Peruntukan Belanja Pembangunan yang telah diterima sebanyak RM704,308,500.00, MAMPU telah membelanjakan sebanyak RM704,023,255.00 bersamaan 99.96%.

28. Kejayaan-kejayaan yang dikecapi ini adalah berkat hasil usaha Warga MAMPU yang bekerja keras demi mengharumkan nama perkhidmatan awam. Kejayaan ini tidak mungkin akan dapat diperolehi tanpa adanya usaha dan pengorbanan dari segi masa dan tenaga daripada tuan/ puan. Bak kata pepatah Arab, 'mengharapkan kejayaan tanpa adanya usaha ibarat mengharapkan kapal belayar di daratan'.

HARAPAN KEPADA PENERIMA APC DAN AKCM

YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

29. Saya turut dimaklumkan para hadirin telah mengikuti Seminar Kecemerlangan Warga MAMPU pada pagi ini yang telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Dr. Tengku Naufal Tengku Mansor. Semoga ceramah tersebut memberi inspirasi dan motivasi kepada para hadirin untuk menjadi lebih cemerlang di masa hadapan.

30. Saya juga mengharapkan agar hadirin pada hari ini lebih bersedia untuk menerima dan menguruskan perubahan yang berlaku dalam dunia yang serba pantas kini. Warga MAMPU terutamanya haruslah lebih cakna dengan perubahan yang berlaku berbanding penjawat awam di agensi lain memandangkan kita adalah agen penggerak pemodenan tadbiran dan perancangan pengurusan di Malaysia. Memetik kata salah seorang pakar *Change Management* yang tersohor iaitu Arnaud Henneville, '*As dealing with change becomes a regular activity, leading it becomes a skill to hone, an internal capacity to master*'.

31. Saya percaya bahawa dengan perkembangan semasa yang berlaku pada ketika ini serta ekpektasi *stakeholders* yang sentiasa meningkat, MAMPU akan terus diberi kepercayaan oleh kerajaan untuk menerajui beberapa lagi inisiatif-inisiatif penting terutama yang melibatkan pendigitalan. Justeru, saya menyeru kepada semua warga MAMPU agar sama-sama bergandingan bahu serta mengekalkan momentum kecemerlangan ini bagi memperkasakan lagi mutu penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Bak kata pepatah:

Keluarga kita adalah tanggungjawab bersama. Kita tetap bermuafakat dalam apa jua keadaan, kerana aspirasi dan matlamat kita ialah inspirasi kita bersama, ibarat kata pujangga “Banyak perkara boleh mengubah kita tetapi kita bermula dan berakhir dengan institusi keluarga”.

PENUTUP

32. Seperti hadirin sedia maklum, Perdana Menteri Malaysia iaitu YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 8 Mac 2022 telah mengumumkan bahawa negara akan memasuki Fasa ‘Peralihan ke Endemik’ bermula 1 April 2022. Ianya merupakan *exit strategy* bagi membolehkan kita semua kembali kepada kehidupan yang hampir normal selepas hampir dua tahun berperang dengan COVID-19. Bermula hari esok, pintu sempadan negara akan dibuka, had waktu beroperasi bagi premis perniagaan dimansuhkan, aktiviti solat jemaah di masjid/surau atau upacara sembahyang di rumah ibadat boleh dilaksanakan tanpa penjarakan fizikal serta tiada lagi had kapasiti 50% untuk aktiviti yang melibatkan perkumpulan ramai.

33. Saya percaya bahawa rakyat Malaysia umumnya amat teruja dengan pengumuman tersebut, terutama sekali apabila kita bakal menyambut bulan Ramadhan dan Hari Raya yang bakal menjelang tidak lama lagi. Meskipun kehidupan kita akan hampir kembali normal seperti sebelum pandemik COVID-19 melanda dunia, suka untuk saya ingatkan kepada warga MAMPU agar sentiasa mematuhi Standard of Procedure (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan kerana mutakhir ini, kes jangkitan Covid-19 dalam kalangan warga MAMPU agak membimbangkan.

34. Akhir kalam, saya percaya semua penerima di hadapan saya akan sentiasa terus berusaha meningkatkan kemahiran diri (*upskilling*) bagi mengekalkan kerelevanan tuan/ puan sebagai seorang penjawat awam serta mengekalkan rentak kecemerlangan dan komitmen di masa hadapan. Semoga tuan/ puan kekal berdaya saing bukan sahaja di MAMPU, tetapi juga di mana sahaja tuan/ puan berkhidmat.

35. Saya bagi pihak Pengurusan Tertinggi MAMPU sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima APC dan AKCM atas prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2021. Semoga prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan, menjadi contoh kepada warga keluarga MAMPU yang lain, dan memberi pengaruh dan impak yang positif ke arah kecemerlangan Jabatan ini secara keseluruhan.

36. Dengan lafaz *Bismillahir rahmanir rahim*, saya merasmikan **Majlis Anugerah Citra Kecemerlangan MAMPU Tahun 2021.**

Sekian, terima kasih.